

Isu Keganasan dan Peranan Sosial Asatizah Setempat

Oleh
Mohamed Imran Mohamed Taib

Lewat ini, kita akan akan peranan yang boleh dimainkan oleh para asatizah di dalam menangani isu keganasan. Para asatizah sendiri semakin giat membicarakan isu-isu keganasan sepertimana yang dapat kita lihat melalui tulisan-tulisan di akhbar serta ceramah-ceramah umum yang diberikan. Penubuhan Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG) juga memberikan gambaran positif bahawa para agamawan kita semakin akur akan perlunya menyesuaikan praksis keagamaan kepada masalah kehidupan sosial masa kini.

Di dalam kita menggalakkan usaha sebegini supaya berterusan, ada beberapa persoalan yang harus diketengahkan. Persoalan-persoalan ini penting dan harus dihadapi dengan terbuka supaya usaha-usaha menangani keganasan lebih mantap dan dilandaskan atas pemikiran-pemikiran yang tidak kabur dan bercelaru.

Meluaskan Pemahaman Istilah Keganasan

Pertama, kita harus melihat isu keganasan di dalam rangka yang luas. Seringkali, definisi keganasan itu disempitkan kepada isu-isu terorisme semata-mata. Ianya seolah-olah keganasan hanya dapat diperbincangkan di dalam rangka terorisme sahaja. Walaupun terorisme itu adalah suatu jenis keganasan, ianya tidak bermakna yang keganasan itu ialah terorisme. Keganasan itu lebih luas cakupannya. Menurut definisi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), keganasan itu boleh ditakrifkan sebagai meliputi tiga jenis, iaitu keganasan terhadap diri sendiri (seperti membunuh diri), keganasan individu terhadap individu yang lain (seperti menganiyai kanak-kanak atau pasangan di dalam keluarga) dan keganasan antara satu kelompok dengan yang lain (seperti peperangan dan rusuhan kaum). Pada masa yang sama, keganasan juga boleh bersifat fizikal, psikologikal dan juga struktural. Keganasan berbentuk fizikal memang mudah dikenalpasti. Yang amat jarang diperkatakan ialah keganasan bersifat psikologikal dan struktural. Keganasan psikologikal termasuklah perbuatan seperti menakut-nakutkan orang lain, membuat ugutan atau memberi tekanan mental dengan tujuan meruntuhkan keyakinan diri dan menghalang seseorang untuk berfikir dengan sendiri secara bebas. Keganasan struktural pula berbentuk mekanisme ataupun institusi yang menindas dan menyebabkan masalah-masalah seperti keburluran, kemiskinan, korupsi dan penindasan politik.

Bersandarkan pada takrifan keganasan yang luas inilah para asatizah kita harus menunjukkan sikap konsisten di dalam seruan menolak keganasan dalam apa jua bentuk pun. Perkara ini bukanlah sesuatu yang sukar. Agama Islam itu seringkali dikatakan sebagai syumul dan komprehensif. Pada masa yang sama, kepedulian sosial dan moral merupakan tunggak risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad, sepertimana yang kita lihat melalui usaha-usahanya membantu golongan yang ditindas dan tersisih (*mustad'ifin*). Di dalam konteks kehidupan di Singapura, para asatizah kita harus juga membantu menggerak dan mendidik masyarakat umum supaya menangani isu-isu keganasan selain daripada keganasan terorisme. Ini penting supaya usaha mewacanakan masalah terorisme itu tidak dilihat sebagai

suatu reaksi semata-mata terhadap tuduhan yang agama Islam itu mengajar umatnya melakukan keganasan. Sebaliknya, usaha menangani keganasan itu merupakan kesedaran agama yang mendalam atas dasar tanggungjawab yang mengalir daripada kepedulian sosial dan perasaan kemanusiaan yang utuh.

Antara contoh keganasan yang dapat diberikan disini ialah perbuatan suami memukul isteri, penganiayaan terhadap pembantu rumah, pembuangan bayi, dan sebagainya. Kesemua jenis keganasan ini masih berlaku di dalam masyarakat Singapura. Setakat ini, kita jarang mendengar para asatizah kita bangkit menyuarakan tentangan mereka terhadap perkara-perkara seperti ini secara umum. Sebaliknya, ceramah-ceramah yang sering diadakan lebih menumpukan pada keselamatan diri di akhirat dan bagaimana seseorang itu dapat menimba pahala sebanyak mungkin dengan ibadah-ibadah khusus. Seringkali juga diadakan kursus-kursus mengenai jin dan masalah kerasukan. Apabila masyarakat Islam Singapura menghadapi masalah perceraian yang tinggi, kursus-kursus sebegini memesongkan tumpuan masyarakat dengan membincangkan soalan-soalan seperti di mana jin tinggal, apa rupanya dan sama ada manusia boleh bernikah dengan jin. Contoh ini menunjukkan bagaimana agama itu boleh memainkan dua peranan – sebagai sumber liberatif atau sebagai sumber kesedaran palsu. Dua orientasi ini wujud di dalam setiap agama, termasuk agama Islam. Orientasi yang pertama berusaha untuk memanusiakan individu dan membebaskannya daripada segala bentuk penindasan dan dehumanisasi; yang kedua, membuat manusia lari daripada realiti sosialnya dengan mengaburkan punca sebenar masalah kemanusiaan yang dihadapinya. Persoalannya, orientasi yang mana yang dominan di dalam masyarakat kita sekarang? Apa pula peranan asatizah kita di dalam hal ini?

Peranan Ilmu dan Sikap Keterbukaan

Sekiranya kita akur yang masalah keganasan amat kompleks dari segi sumber dan manifestasinya, kita akan tergerak untuk menyelami ilmu-ilmu kemasyarakatan dan cuba memahami proses-proses pembentukan sesuatu gejala sosial. Di sini, kita tidak harus meletakkan beban atas para asatizah kita lebih daripada apa yang mereka mampu. Sejauh manakah mereka harus dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan segala macam masalah sosial? Sebagai contoh, adakah para asatizah kita dapat menyelesaikan masalah keganasan domestik di dalam masyarakat moden yang kompleks, dengan hanya berbekalkan ilmu keagamaan tradisional? Sekiranya kita mengharap para asatizah kita untuk memainkan peranan yang lebih aktif dan efektif di dalam menangani masalah sosial, dua perkara harus diwujudkan.

Pertama, para asatizah kita harus dilatih dan dibekalkan dengan ilmu-ilmu terkini yang relevan seperti ilmu kerja sosial, psikologi, pedagogi, falsafah dan sosiologi. Dengan menghadiri kursus-kursus kilat sahaja tidak mencukupi. Ilmu-ilmu ini haruslah diterapkan secara konsisten dan sistematik di dalam proses pembelajaran dan kurikulum madrasah setempat.

Kedua, para asatizah kita sendiri haruslah bersikap terbuka dan bermotivasi untuk meningkatkan diri dengan menimba ilmu-ilmu kontemporar yang relevan dan sesuai. Sikap keterbukaan inilah yang menjadikan umat Islam peneraju ilmu di zaman klasik. Sikap sebegini pernah diungkapkan oleh Al Kindi, filosof Islam abad ke-9 Masihi yang mengatakan

kita tidak seharusnya malu untuk menimba ilmu walaupun ianya datang dari bangsa asing. Hanya dengan sikap terbuka sebeginilah para asatizah kita akan melihat kepentingan meningkatkan diri dengan ilmu-ilmu yang lebih mantap di dalam proses mereka membantu diri mereka sebelum membantu orang lain.

Keganasan Bukan Masalah Keagamaan

Seiringan dengan itu, kita harus menolak pemikiran keruh di dalam masyarakat yang meletakkan tanggungjawab menyelesaikan masalah keganasan atas bahu para asatizah dan golongan agamawan sahaja. Ada dua sebab utama mengapa pemikiran sebegini harus ditolak. Pertama, dengan memfokus pada golongan asatizah dan agamawan, kita akan menguatkan persepsi yang agamalah sumber utama segala macam keganasan. Padahal, sumber-sumber keganasan telah diakui sebagai kompleks dan terjadi atas sebab proses-proses pembentukan sosial yang timpang sehingga menyebabkan kesan-kesan psikologi yang memudaratkan. Pada masa yang sama, faktor-faktor kepentingan politik, ekonomi dan ideologi memainkan peranan yang besar di dalam masalah keganasan seperti terorisme. Kita tidak mungkin dapat menyelesaikan masalah rumit sebegini dengan hanya mengharapkan golongan agamawan menerangkan konsep jihad sebenar dan melaung-laungkan retorik 'Islam agama Damai' tanpa henti.

Walaupun demikian, kita tidak bermaksud untuk mengatakan yang para asatizah kita harus berhenti menyeru akan kedamaian sebagai ajaran sebenar agama Islam. Yang dimaksudkan di sini ialah retorika sahaja tidak dapat merubah keadaan. Sebagai contoh, setiap kali berlaku pengeboman yang dilancarkan oleh teroris yang beragama Islam, masyarakat Islam akan diletakkan di dalam *spotlight*, seolah-olah setiap orang Islam itu berpotensi untuk menjadi teroris. Masyarakat Islam pula akan tergesa-gesa untuk membuat ucapan mengutuk pengeboman tersebut dan melaungkan klise (*cliché*) yang perbuatan sebegitu bukan ajaran Islam sebenar. Respon-respon sebegini akan berterusan tanpa adanya *urgency* untuk mendidik masyarakat secara mendalam akan proses-proses yang melahirkan tindakan ganas itu. Sebaliknya, masyarakat umum akan hanya dibuai oleh kekhuatiran melalui gesaan supaya berwaspada sementara masyarakat Islam pula akan sentiasa diletakkan di dalam posisi defensif.

Akhir sekali, para asatizah tidak haruslah melihat diri mereka sebagai kunci kepada segala macam masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Tugas asatizah ialah membimbing masyarakat di dalam isu-isu moral dan hidup keberagamaan. Di dalam menjalankan tanggungjawab ini, mereka haruslah memahami lingkungan sosial serta realiti kehidupan masyarakat. Pada masa yang sama, para asatizah tidak seharusnya memonopolikan kebebasan berwacana atau kesahihan pendapat pada lingkungan mereka sendiri. Seseekali, kita harus mendengar pengakuan ikhlas, jujur dan tawaduk para asatizah yang mereka tidak ada jawapan pasti terhadap setiap masalah yang melanda masyarakat. Ini lebih baik daripada memberi jawapan yang naif seperti meletakkan segala macam masalah sosial pada faktor kurang iman atau kurang didikan agama. Jawapan sebegini, sekiranya terus dilaung-laungkan tanpa mahu mengambil kira faktor-faktor ilmiah lain yang lebih teguh, merupakan keganasan fikiran yang menambah pada masalah yang sedia ada. Inilah yang harus kita jauuhkan.

[Artikel ini telah disiarkan di Berita Harian pada 27hb Januari 2006 bertajuk 'Antara Penganasan dan Keganasan', dengan sedikit perubahan pada teks asal di atas.]